

FAQ AP2011 Sidang Media

1. **Bilakah AP2011 diadakan?**

Majlis Anugerah Persuratan 2011 akan diadakan pada 30 Julai 2011.

2. **Berapa lamakah penilai akan menilai karya-karya yang dihantar?**

Pada umumnya, panel penilai mengambil lebih kurang 3 bulan.

3. **Apakah perbezaan AP2011 dengan AP tahun-tahun yang lalu?**

AP2011 akan mengadakan beberapa kegiatan untuk mendekatkan masyarakat dengan sastera. Hal ini selaras dengan kegiatan-kegiatan Bulan Bahasa 2011 yang juga melibatkan aktiviti-aktiviti kesusasteraan. Antara kegiatan yang akan dianjurkan ialah Siri Bicara Sastera dengan para penerima Anugerah Tun Seri Lanang yang lalu. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Anugerah Persuratan akan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan masyarakat, institusi pengajian tinggi dan kelab-kelab masyarakat dan MAEC untuk sama-sama menganjurkan aktiviti-aktiviti bercorak persuratan.

4. **Apakah Anugerah Harapan?**

Anugerah Harapan yang mula dikenalkan pada Anugerah Persuratan 2009 untuk memberi pengiktirafan kepada pada penulis yang mempunyai potensi besar untuk berkembang dengan lebih jauh lagi dalam bidang persuratan. Penerima Anugerah Harapan bukan sahaja aktif berkarya dalam bidang persuratan tetapi aktif menyumbangkan tenaga dalam mengembangkan bidang persuratan sama ada melalui bengkel, seminar, persembahan dan lain-lain lagi.

Anugerah Harapan diberikan kepada penulis yang berumur 40 tahun ke bawah yang dicalonkan. Penilaian yang dilakukan kepada calon Anugerah Harapan tidak berfokus pada karya yang dihasilkan tetapi sumbangan calon tersebut secara menyeluruh dalam bidang persuratan tanah air.

5. **Bagaimanakah masyarakat umum mengambil bahagian aktiviti AP2011?**

Senarai aktiviti persuratan ada dimuatkan di laman MBMS - mbms.sg Aktiviti yang tersenarai merupakan sebahagian aktiviti yang telah dikenal pasti. Ada juga aktiviti-aktiviti persuratan yang akan dianjurkan. Kegiatan-kegiatan ini semua pasti akan menyemarakkan bidang persuratan tanah air.